

## **BAB IV**

### **PERJUANGAN BEDIUZZAMAN SAID NURSI DALAM MENEGAKKAN ISLAM DI TURKI USMANI (1877 – 1960)**

A. Peranan Bediuzzaman Said Nursi Dalam Kemajuan Islam Di Turki Usmani  
(1877 – 1960)

#### **1. Berdakwa Dalam Pendidikan**

Pada 1900, kesedaran timbul dalam hatinya untuk memperjuangkan islam sepenuhnya kesan daripada parlimen british yang mengangkat al-Quran semasa persidangan, bersumpah menjauhkan umat islam daripada al-Quran. Beliau kemudian mengusulkannya kepada Sultan Abdul Hamid namun ia membawa kepada pemenjaraan beliau kerana penggunaan bahasa yang kasar semasa perjumpaan itu. Di mahkamah beliau sekali lagi bersikap sedemikian dan dihantar oleh para hakim ke pusat rawatan mental. Namun apa yang dikatakan oleh doktor yang menjalankan diagnosis bahwa jika Syed Nursi tidak siuman, maka tidak ada seorang pun yang siuman di dunia ini.

Namun, perjuangannya di awal ini menimbulkan penentangan terhadapnya dari pemerintah ketika itu. Ia memperjuangkan kemerdekaan dan constituitonalism yang dilihatnya perlu mengikut hukum syariah islam. Dalam bulan-bulan seterusnya pada 1908, Ia memberikan ceramah umum berkenaan kemerdekaan, legality, pendidikan dan kesatuan di dalam artikel-artikel surat khabar dan juga di dalam kehidupan sehariannya. Ia bergerak aktif di dalam

pergerakan Ittihad-I Muhammedi (Kesatuan Muhammadan atau Persatuan Muslim Bersatu), yang mana tesk nya membawa kepada insiden 31 Mac 1909 di Turki. Ia menjadi alasan penangkapannya namun beliau dibebaskan kerana tiada bukti kukuh. Ia kemudiannya mengembara ke seluruh Istanbul untuk menjelaskan perihal kepentingan konstitusi dan pembentukan semula sistem pendidikan untuk membolehkan sistem islam diterapkan dan membawa kepada pembangunan asas dan perpaduan dunia islam.Beliau juga menerangkan idea-ideanya tentang reformasi pendidikan yang disarankan di dalam universiti yang dirancangnya. Perdebatan dan perbincangan yang beliau hadapi semasa pembentangan idea-ideanya itu dibukukan dalam dua bahagian, satu untuk para ulama yang bertajuk Munakahat(1911) dan Munazarat(1913) buat masyarakat umum. Bediuzzaman Said Nursi sempat menyaksikan kejatuhan dunia Islam dan kelemahan iman umat Islam akibat dijajah dan dipengaruhi sikap kebendaan, ditambah pula dengan pengabaian agama, dan menjadikan sains sebagai kayu ukur materialisme. Said Nursi amat prihatin terhadap penyakit-penyakit sosial yang menimpa manusia, khususnya ummat sezamannya. Dalam Risale-I Nur, beliau menekankan lagi hakikat bahwasanya kebahagiaan tulen hanya boleh dicapai melalui iman dan ilmu pengetahuan mengenai Allah, di dunia dan akhirat. Sebaliknya, perbuatan mengengkari perintah Allah hanya akan menyebabkan kesengsaraan dan penderitaan yang amat sangat, yang lazimnya terserlah melalui ketakpedulian dan perbuatan melarikan diri dari tanggungjawab hidup insan.

Apabila Said Nursi dijemput oleh pihak berkuasa agama Damsyik, Syria, untuk menyampaikan khutbah di Masjid Umayyad pada tahun 1911, beliau bukan hanya berkhutbah kepada hampir 10,000 jemaah (termasuk 100 orang ulama muktabar zaman tersebut) tetapi beliau juga turut meninggalkan suatu warisan bernilai, iaitu khutbah yang mendahului zamannya dan merentasi batasan masa dan tempat.

Dalam Khutbah Damsyik tersebut, Bediuzzaman Said Nursi telah mengenal pasti beberapa penyakit yang merundung dunia Islam dan menawarkan ubatnya daripada “farmasi Al-Quran”. Ia menyenaraikan enam penyakit merbahaya dan menjelaskan ubat untuk memulihkan setiap satu penyakit yang dianggapnya sebagai iktibar dalam kehidupan masyarakat.<sup>1</sup> Ia menyeru setiap orang Islam supaya memberikan perhatian berat kepada kebenaran Al-Quran dan membina semula masyarakat berdasarkan batu asas keimanan Islam, supaya ketamadunan manusia benar-benar menjadi ketamadunan tulen.

Dalam Khutbah Damsyik, Bediuzzaman Said Nursi menjelaskan perihal “hijab yang telah menggerhanakan matahari Islam”, menghalangnya daripada menyinari kemanusiaan pada masa lalu. Dampak paling besar ialah harapan kepada orang Islam dan keyakinan bahawa kebangkitan Islam akan disaksikan tidak lama lagi kerana wujudnya petanda-petanda berikut:

---

<sup>1</sup> Iktibar dalam kehidupan masyarakat, Disusun daripada *The Risale-I Nur Collection, The Damascus Sermon* oleh Bediuzzaman Said Nursi, Sozler Nesriyat San.Tic.A.S., Istanbul, 2004.

- a. Kebaikan ilmu dan ketamadunan telah menghapuskan tiga halangan – kealpaan Eropah, kezaliman mereka, dan sikap tidak bertoleransi dalam agama mereka.
- b. Idea kebebasan dan keinginan mencari kebenaran telah mula menghilangkan dua halangan dominasi dan kuasa arbitrari pemimpin agama Eropah.
- c. Kebangkitan semula Islam telah menghapuskan dua halangan – kepimpinan yang zalim dan kemerosotan akhlak yang berlaku akibat menentang syari'ah.
- d. Penentangan terhadap Islam oleh ahli-ahli sains dan falsafah sebaliknya telah menonjolkan mukjizat Al-Qur'an, lalu menggilapkan kebenaran dan menyebabkan mereka menyerah kepada Islam.

Khutbah tersebut diterbitkan beberapa tahun kemudian dengan judul Hutbe i-Samiye. Isi khutbah tersebut termasuk ramalan beliau dengan dalil bahwa islam punyai masa depan yang jelas dengan penerimaan terhadapnya yang meluas dan al-Quran diterima pakai oleh setiap insan. Selain itu beliau juga menyentuh tentang ‘ubat’ bagi penyakit hati yan hanya boleh didapati daripada al-Quran. Cita-cita beliau untuk mendirikan Medrasatu-Zehra di Van tercapai apabila menerima biayaan daripada Istanbul untuk membinanya namun ia tidak siap kerana Perang Dunia Pertama meletus. Biayaan ini hanya diperolehinya setelah usul-usul dibuat kepada Sultan Abdul Hamid II dan kepada Sulatan Mehmed Resad. Namun usahanya yang tidak pernah padam membawa hasil walau cita-cita utamanya tidak tercapai.

Ia juga sangat berminat dalam bidang politik. Selalu dalam kuliah dan ceramahnya diselitkan dengan politik semasa yang sedang melanda tanah air mereka. Dia menyindir pemimpin dan pegawai sultan yang mula terpengaruh dengan pangkat dan harta serta banyak berlaku penyelewengan dalam pemerintahan. Pegawai di Mardin menasihati Badiuzzaman Said Nursi tidak menyentuh pasal politik, namun tidak diendahkan dan mengkritik Nader Bek. Kemudian dikeluarkan perintah tidak membenarkan Said Nursi mengadakan kuliah agama di masjid kerana menghasut orang ramai benci pemerintah.

Ia patuh perintah itu. Kuliah diteruskan di rumahnya. Orang ramai membanjiri sekitar rumahnya sehingga pemerintah mengeluarkan arahan Said Nursi ditangkap lalu dihantar ke Bitlis. Orang ramai bantah dan hampir terjadi rusuhan. Said Nursi tenangkan mereka. Disebabkan ia tidak sepandapat dengan pemerintah, ia sentiasa difitnah, ditangkap, ditangguhkan perbicaraan, dibuang daerah dan dimasukkan semula ke penjara. Semua itu berterusan sehingga lebih 20 tahun. Ia dianggap seorang yang paling berbahaya. Setiap kali dibuang daerah, ia sentiasa berdakwah. Setiap tempat mempunyai anak murid. Walaupun di dalam penjara, kebanyakan penjenayah menjadi muridnya dan bertaubat. Semua yang berada sekelingnya akan menyayanginya sebagai tuan guru. Mereka namakan sebagai Madrasah Yusuf.

Sepanjang berada di penjara, ia beberapa kali diracun. Allah sentuasa memeliharanya dengan memberi umur yang panjang. Itulah dikatakan urusan kematian adalah urusan Allah. Pernah beliau dijatuhkan hukuman gantung

sampai mati kerana tidak mahu sujud kepada ketua pegawai penjara. Sebelum dijatuhkan hukuman, beliau solat sunat. Pegawai itu melihat tanda iman pada diri Badiuzzaman Said Nursi dan dia memberi ampun (dia salah faham..konon tak tunduk kepadanya kerana menghinanya). Sepanjang berada dipenjara atau ditempat yang jauh dari orang ramai, Ia sentiasa menulis secara rahsia. Anak muridnya yang keluar dari penjara akan membawanya keluar dan mencetak beribu-ribu naskhah. Kemudian dihantar ke semua daerah.Ia pernah dituduh sebagai orang gila. Doktor diarahkan meberi laporan palsu. Beliau dimasukkan ke hospital gila supaya dia benar-benar mengalami tekanan jiwa dan akhirnya menjadi gila. Semua itu tidak berlaku ke atas ulama yang mempunyai fikiran yang tajam dan jiwa yang kental.Ketika berada di hospital itu, beliau solat, berzikir dan membaca Al-Quran. Apa yang dilakukannya menarik perhatian penghuni hospital mental itu. Apabila Badiuzzaman Said Nursi solat, maka ramai yang mengikutnya solat. Apabila beliau membaca al-Quran, ramai yang mengelilinginya bagi mendengar bacaan ayat-ayat suci itu. Apabila berzikir, ramai yang ikut berzikir.Akhirnya doktor pakar sakit jiwa menulis dalam laporannya,"Sekiranya orang ini dikatakan gila, maka tidak ada seorangpun yang siuman dalam dunia ini."Pihak istana bantah. Kemudian berita ini sampai kepada Sultan Abdul Hamid II. Baginda mengelurkan perintah supaya Badiuzzaman Said Nursi dibebaskan.

## 2. Keikutsertaan Dalam Perang Dunia I dan II

Sebelum tercetusnya PDI, al-Nursi dilantik menganggotai Tashkilat Makhsusah dan ditugaskan menyampaikan fatwa jihad kerajaan Uthmani dan membantu mujahidin-mujahidin Islam di Libya yang ketika itu dipimpin oleh Shaykh al-Sanusi. Dalam PDI, kawasan Caucasus menjadi medan pertempuran yang sengit antara tentera kerajaan Uthmani dan tentera Rusia-Armenia. Al-Nursi mendapat penghormatan kerajaan dengan tugas sebagai panglima pasukan sukarelawan dari Timur. Pasukan pimpinan al-Nursi yang jumlahnya melebihi 5000 orang lebih dikenali sebagai The Felt Hats. Pasukan ini amat digeruni oleh pihak musuh kerana semangat jihad yang tinggi, kemahiran menembak dan menunggang kuda.<sup>2</sup>

Ketika memimpin pasukan ini, al-Nursi cuba melahirkan apa yang dinamakan sebagai rahbanun bi al-layl wa fursanun bi al-nahar dengan menerapkan disiplin yang tinggi kepada pasukannya. Madrasah Horhor dijadikan seperti kem latihan tentera yang dipenuhi dengan alat persenjataan dan kitab-kitab. Di samping itu, pengajian masih tetap diteruskan biarpun berada di kancah peperangan.<sup>3</sup> Adab-adab peperangan dalam Islam juga diberi penekanan. Sebagai contohnya, al-Nursi tidak membenarkan tawanan yang terdiri dari kaum wanita dan kanak-kanak Armenia diperlakukan sewenang-wenangnya. Tawanan ini akhirnya dibebaskan oleh al-Nursi. Menurut beliau, golongan tersebut tidak

---

<sup>2</sup> Vahide, Sukran, *Bediuzzaman Said Nursi* (Istanbul: Sozler Publications,1992), 121.

<sup>3</sup> Ibid., 121,122,124.

boleh dipertanggungjawabkan di atas tindakan kejam tentera-tentera Armenia yang telah membelot dengan membantu tentera Rusia serta membunuh kanak-kanak Islam. Adab Islami ini cukup memberi kesan kepada tentera Armenia sehingga mereka juga tidak mencerderakan masyarakat awam Islam yang tidak berdosa. Catatan terhadap kejadian ini boleh ditemui dalam sumber rujukan berbahasa Perancis, *Documents sur les atrocites armenorusses*.<sup>4</sup>

Setelah Gewash, kubu terakhir jatuh ketangan tentera Rusia-Armenia, al-Nursi telah ditangkap dan dibawa ke Kosturma, Siberia. Pengurungan beliau di dalam tahanan selama hampir tiga tahun tidak sekali-kali menjadikan ia seorang yang murung dan berputus asa. Sebaliknya, aktiviti dakwah diteruskan dengan memberikan kuliah-kuliah agama kepada tahanan-tahanan yang lain sehingga akhirnya mereka diberikan satu bilik yang khusus untuk solat dan aktiviti pengajian. Revolusi Komunis (Bolshevik Revolution) yang berlaku membolehkan al-Nursi memboloskan diri dari kurungan pada tahun 1918. Pada Juni di tahun yang sama, ia akhirnya berjaya pulang ke Istanbul.

Pada 13 Agustus 1918, al-Nursi dilantik menganggotai Dar al-Hikmah al-Islamiyyah dengan peranan utamanya menyampaikan kebenaran Islam dan menjawab persoalan dan keraguan yang ditimbulkan oleh Barat secara khususnya. Ia ketika ini banyak menghasilkan artikel dan menerbitkan beberapa buah tulisan seperti *Nuqtah min ma'rifatillah Jalla Jalaluh, Sanuhat dan Tulu<sup>c</sup>at*. Di samping itu, ia juga aktif melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan.

---

<sup>4</sup> Ibid.,123.

Kecemerlangan dan sumbangan besar kepada negara membawa kepada pengurniaan pingat kebesaran iaitu Makhraj.<sup>5</sup>

Semasa PD1 berlaku, Bediuzzaman mengetuai pasukan tentera yang digelar ‘Tentera Bertopi Bulu’. Beliau diberi posisi Komando Regimen oleh Enver Pasya yang merupakan Ketua Komando ketika itu untuk membentuk dan mengetuai pasukannya di bahagian timur Turki. Pasukan ini digeruni oleh pihak Rusia yang mana teras pasukannya dibentuk oleh pelajar-pelajarnya yang bersemangat tinggi. Semasa peperangan sedang berjalan, beliau tidak pernah menghentikan proses pengajarannya kepada murid-muridnya. Kerana kekuatan pasukannya, mereka dijadikan pasukan tambahan semasa mempertahankan Pasinler ketika pencerobohan Rusia pada January 1916. Ketika di barisan hadapan inilah, Bediuzzaman Said Nursi menulis komentar atau tafsirannya terhadap al-Quran yang bertajuk *Isharat al-'Ijaz*. Pasukannya telah terlibat dalam tugas-tugas evakuasi orang awam termasuk wanita dan kanak-kanak Armenian, mengumpul artileri berat dan beberapa gerakan serbuan yang diakhiri peperangan membualkan medal peperangan atas jasa-jasanya.

Pada 1918, Ia ditahan oleh pihak Rusia setelah kejatuhan Bitlis dan diletakkan di tahanan perang di Kosturma di Volga. Ia berjaya melarikan diri pada musim bunga tahun yang sama dan menuju ke Istanbul. Dalam perjalanan ke Istanbul, beliau telah melawat Switzerland kerana ingin mengetahui perihal

---

<sup>5</sup> Mohamad Zaidin, *Bediuzzaman Said Nursi: Sejarah Perjuangan dan Pemikiran*(Bangi: Universiti KebangsaanMalaysia,2003), 44.

adanya kesatuan yang dibentuk di atas satu kefahaman di kalangan rakyat Switzerland. Namun apa yang ditemuinya adalah satu kesatuan yang lemah yang tidak berasaskan aqidah yang sama, tetapi hanya satu kefahaman yang sama yang berasaskan akal fikiran. Dalam perjalanan beliau ke Istanbul,Ia melalui Laut Hitam dan Tiflis, Georgia. Setibanya beliau di Istanbul pada 20 Jun 1918, tanpa pengetahuan, Ia ditugaskan untuk memantau Daru'l-Hikmeti'l-Islamiye yang merupakan sebuah institusi yang mencari penyelesaian di kalangan orang-orang berpengetahuan dalam masalah-masalah berkaitan islam dan akhlak masyarakat. Namun,Ia menerima tugas tersebut kerana ia mencakupi bidang akademik semata. Ketika period tersebut,Ia menulis pelbagai buku dalam menelaskan topik-topik utama agama, menerangkan kedudukan al-Quran dalam ketamadunan ketika itu, penulisan menentang penjajahan. Antara lain usaha beliau adalah menubuhkan Hilal-i Ahdar Cemiyeti (Bulan Sabit Hijau) yang menentang dan berusaha menghentikan pengagihan alkohol dan bahan ketagihan lain.

Kekalahan Kerajaan Uthmani dan pakatannya Jerman dalam PDI membuka ruang yang cukup luas kepada musuh-musuhnya untuk melaksanakan agenda jahat mereka. Beberapa perjanjian yang digubal oleh Kuasa Berikat seperti Perjanjian Mudros (Oktober 1918) dan Sevres (Mei 1920) jelas bertujuan untuk 'membunuh' kerajaan Uthmani yang sedang sakit. Situasi ini lebih mudah difahami dengan gambaran yang dibawakan oleh Justin McCarthy, seorang profesor Sejarah Timur Tengah bahawa kerugian yang ditanggung oleh kerajaan

Uthmani akibat kekalahan mereka tidak pernah dialami oleh mana-mana bangsa yang lain.<sup>6</sup>

Perjanjian ini juga telah membawa kepada pendudukan Kuasa Berikat yang diketuai Inggeris di Istanbul. Situasi yang dihadapi oleh kerajaan Uthmani ketika itu, menurut al-Nursi adalah satu penghinaan kepada agama dan negara. Ia juga menjelaskan pengkhianatan minoriti non Muslim yang telah menyambut kedatangan penjajah ke bumi Istanbul dengan deringan loceng gereja, ciuman serta sujud di hadapan 'penyelamat mereka'.<sup>7</sup> Al-Nursi menggunakan kekuatan pidato, ketajaman pena serta pengaruhnya yang besar dalam membangkitkan kesedaran rakyat untuk mempertahankan agama dan tanahair serta menyemarakkan api penentangan terhadap Inggeris. Kemerdekaan negara bagi al-Nursi adalah anugerah yang tidak ternilai dan perlu dipertahankan dengan segala kekuatan yang ada.

Dalam menyemarakkan api perjuangan ini, al-Nursi telah menghasilkan makalah yang berjudul *al-Khutuwwat al-Sitt*. Makalah yang menerangkan agenda dan muslihat Inggeris dalam mewujudkan persengketaan di kalangan tokoh agama dan pimpinan negara telah diterbit dan diedarkan secara rahsia. Kritikan keras juga ditujukan kepada pimpinan di Istanbul yang tunduk sepenuhnya kepada Inggeris dengan alasan dapat menyelamatkan negara.

---

<sup>6</sup> Justin Mc Carthy, *The Ottoman Turks: An Introductory to 1923* (London: Longman, 1997), 375.

<sup>7</sup> Shaw, *al-Nursi, Badi' al-Zaman Sa'id Sayqal al-Islam* (Istanbul: Sharikat Suzlar li al-Tiba'ah, 1995), 546.

Biarpun Dar al-Hikmah al-Islamiyyah berada di bawah kendalian Shaykh al-Islam, al-Nursi yang merupakan salah seorang anggota jabatan tersebut bangkit menyokong fatwa bantahan terhadap fatwa kerajaan yang ditandatangani oleh Shaykh al-Islam. Fatwa ini telah melabelkan pejuang-pejuang kemerdekaan sebagai pemberontak yang perlu dikenakan hukuman bunuh.<sup>8</sup> Menurut al-Nursi, perjuangan itu adalah satu kewajipan dan pewartaan fatwa tersebut adalah tidak sah dan hanya dibuat atas tekanan Inggeris.<sup>9</sup> Bantahan ini telah menguatkan lagi gerakan kemerdekaan yang berpusat di Ankara. Beliau ketika itu juga menolak dari menyertai perjuangan kemerdekaan bangsa Kurdi. Beliau melihat kekuatan Uthmani dan Kurdi akan terjadi dengan penyatuan antara kedua-duanya. Antara ucapannya yang masyhur ialah Orang Turki adalah otak bagi kita dan kita orang Kurdi adalah kekuatan mereka. Perjuangan menuntut kemerdekaan dan kuasa autonomi daripada kerajaan Uthmani bagi al-Nursi hanyalah mainan kotor yang didalangi oleh kuasa-kuasa asing untuk meruntuhkan kerajaan Uthmani dan melemahkan umat Islam.<sup>10</sup>

Usaha jahat Inggeris ke atas kerajaan Uthmani dalam pelbagai bentuk dan muslihat telah mengundang gelombang kebangkitan rakyat yang lebih besar. Gudang-gudang persenjataan Inggeris di Istanbul disabotaj. Senjata-senjata yang tersimpan di situ ada yang dirosakkan dan sebahagiannya lagi dicuri dan dihantar ke kubu-kubu gerakan kemerdekaan. Besar kemungkinan al-Nursi juga terlibat

<sup>8</sup> Vahide, Sukran, *Bediuzzaman Said Nursi*(Istanbul :Sozler Publications, 1992), 143.

<sup>9</sup> Ibid.,150.

<sup>10</sup> Ibid.,170.

dengan gerakan-gerakan ini. Menurut Edip, al-Nursi pernah memberikan komiteci (seperti latihan perang untuk menghadapi musuh). Latihan sekali dalam seminggu ini dilihat melibatkan tugas-tugas rahsia dan berbahaya seperti pengumpulan perisikan dan perancangan sabotaj ini dibuat di sebuah rumah di Zeirek dalam daerah Fatih.<sup>11</sup> Ini menyebabkan Inggeris berusaha untuk membunuh al-Nursi. Atas peranan penting yang dimainkan di Istanbul, beliau menerima undangan yang bertalu-talu dari Ankara. Namun al-Nursi tetap menolak dengan alasan beliau lebih suka berada di tempat yang lebih merbahaya iaitu di Istanbul.<sup>12</sup>

Dengan dukungan para ulama dan perjuangan atas nama jihad, kebangkitan dan keberanian rakyat Uthmani memuncak sehingga meletus apa yang dinamakan sebagai Perang Agung (The Great War) pada 22 Ogos 1922. Peperangan ini telah berjaya membawa kemenangan besar kepada rakyat Uthmani dan membebaskan Anatolia dari Inggeris. Kemenangan bersejarah ini terpaksa diperakui oleh Inggeris pada 11 Oktober 1922. Pengiktirafan antarabangsa seterusnya diperolehi dengan termeterainya Perjanjian Lausanne pada 24 Julai 1923.<sup>13</sup>

Pada 9 November 1922, al-Nursi akhirnya pergi Ankara. Pemergian beliau ini membawa harapan yang besar untuk melihat pimpinan negara mengisi

<sup>11</sup> Vahide, Sukran, *Biografi Intelektual Bediuzzaman Said Nursi*( terj. Sugeng Haryanto, Sukono, Anatolia, Jakarta, 2007), 174; Shukran Wahidah, *Badi' al-Zaman Sa'id al-Nursi: al-Islam fi al-Turkiya al-Hadithah*(terj. Muhammad Fadil, Sharikat al-Nasl li al-Tiba'ah,Istanbul, 2007), 238.

<sup>12</sup> Al-Sahili,Ihsan Qasim,*Badi' al-Zaman Said al-Nursi Nazra 'Ammah' an Hayatih Wa Atharih*,(Marocco: Matba'at al-Najah al-Jadidah,1999),54.

<sup>13</sup> Vahide, Sukran, *Bediuzzaman Said Nursi*(Istanbul: Sozler Publications, 1992), 144.

kemenangan dengan menegakkan sebuah pemerintahan yang berlandaskan al-Qur'an.<sup>14</sup> Setelah berada di sana, al-Nursi melihat telah muncul bibit-bibit penyimpangan sebahagian pimpinan negara dari ajaran Islam dengan menggagaskannya ideologi sekular dan atheis. Kemenangan ini telah menyerlahkan wajah sebenar pengkhianat bangsa dan agama yang hanya menjadikan Islam sebagai alat untuk memperolehi sokongan. Ini terbukti dengan pemansuhan kuasa Sultan pada 1 November 1922 dan dua tahun selepas itu institusi Khilafah pula dihapuskan. Ketika berkhidmat di Dar al-Hikmah al-Islamiyyah, al-Nursi banyak menghabiskan masanya dengan beruzlah dan bertafakkur di tempat yang jauh dari kebengitan arus dunia. Persoalan yang sering mengisi ruang tafakkurnya ialah soal kematian, perpisahan, ketuaan dan kebinasaan.<sup>15</sup> Al-Nursi ketika itu seakan-akan dihadapkan dengan persoalan ini dan perlu mencari jawapan dan penawarnya.

Al-Nursi cuba menanggapi persoalan tersebut dengan menggunakan metod kefalsafahan, tetapi ternyata ia gagal dan menurut beliau, mereka yang genius sekalipun hanya mampu menempuh separuh jalan sahaja untuk berjaya. Beliau kemudiannya menggunakan metod kesufian dan ternyata jalan ini lebih baik dari jalan kefalsafahan. Walaupun begitu, metod ini menurut al-Nursi amat sukar untuk ditempuhi oleh masyarakat awam disebabkan terlalu banyak 'kewaspadaan' yang perlu dilalui. Keintelektualan al-Nursi sungguh tercabar

<sup>14</sup> Ibid.,178.

<sup>15</sup> Vahide, Sukran, *Bediuzzaman Said Nursi*(Istanbul: Sozler Publications, 1992), 165.

dengan kebuntuan ini. Segala keupayaan dan pengetahuan yang dimiliki beliau masih gagal mencari jawapan yang selayaknya.

Menurut al-Nursi, dalam kebuntuan ini, akhirnya beliau menemui dua orang guru yang cukup berjasa kepada beliau. Kedua-dua guru ini telah berjaya membimbing beliau menemui jawapan yang selama ini dicari-cari. Guru-guru yang dimaksudkan itu ialah kitab *Futuh al-Ghayb* karangan Shaykh <sup>c</sup>Abd al-Qadir al-Jilani dan kitab *al-Maktubat* karangan Imam al-Rabbani. Guru pertama menunjukkan kelemahan dan luka-luka dialami oleh jiwa beliau, sedangkan guru kedua pula mengisyaratkan kepada beliau bahawa hanya satu penawar sahaja yang boleh mengubati pergolakan jiwanya, iaitu *al-Qur'an*.<sup>16</sup> Ringkasnya, dengan kedua-dua kitab tersebut, al-Nursi berjaya mengesan punca penyakit dan menemui penawarnya sekaligus.

Pada 1920, Said Nursi mengalami perubahan mental dan rohani, Pergolakan jiwa yang dialami al-Nursi, menurut Vahide berlangsung agak panjang, yang bermula dari pertengahan 1920 sehingga penghujung 1921. Setelah sembuh, al-Nursi mula menghasilkan tulisan-tulisan beliau dengan menggunakan metod *al-Qur'an*. Penerangan serta penghujahan melalui metod ini diyakini mudah difahami dan diterima oleh semua lapisan masyarakat. Tulisan terawal beliau setelah memasuki Era Sa<sup>c</sup>id Baru ialah *al-Mathnawi al-Arabi al-Nuri*. Himpunan sebelas risalah dalam bahasa Arab ini dianggap al-Nursi sebagai

---

<sup>16</sup> Vahide, Sukran, *Bediuzzaman Said Nursi*(Istanbul :Sozler Publications, 1992), 168.

benih kemunculan Rasa'il al-Nur. Ia adalah semaian dan Rasa'il al-Nur adalah tamannya.

Transformasi kejiwaan yang berlaku ketika itu mengiringi era permulaan bagi transformasi sosio-politik di dalam kerajaan Uthmani. Pembaratan (westernisasi) atas nama modenisasi mengakibatkan unsur-unsur yang berkaitan dengan agama dihapuskan secara perlahan-lahan. Tindakan lebih agresif golongan pimpinan negara dalam penerapan sekularisme terhadap perjalanan pentadbiran negara dan kehidupan sosial masyarakat berlaku dengan pengisytiharan Republik Turki.

kesan daripada pencarian dalaman yang akhirnya membawa kepada pemikiran yang meletakkan al-Quran sebagai sumber panduan hidup yang sebenar dan bebas daripada pengaruh falsafah pemikiran manusia. Di sini bermulanya satu kisah yang penting dalam sejarah hidup Said Nursi kerana ia kemudiannya membawa kepada penulisan Risale-i Nur. Pada musim luruh 1922, Said Nursi kembali ke Ankara selepas jemputan para pemimpin di sana selepas kemenangan Perang Kemerdekaan pada penghujung September.

Van menjadi destinasi permulaan kepada kehidupan al-Nursi dalam era Sa'id Baru. Kehidupan Sa'id Baru cukup berbeza dengan corak kehidupan Sa'id Lama. Al-Nursi lebih suka beruzlah dan bertafakkur. Keadaan kesibukan yang dilaluinya di Van amat bertentangan dengan naluri jiwanya. Dua perkara yang benar-benar membezakan kehidupan lama dan baru al-Nursi ialah warna pakaian yang dipakai dan topik-topik yang sering kali disentuh dalam pengajaran dan

khutbah Jumaat. Beliau hanya memakai pakaian yang berwarna gelap (tidak berwarna-warni) dan menfokuskan pengajian berkenaan persoalan keimanan seperti rukun iman, keesaan Ilahi, kebangkitan manusia dan hari Akhirat. Penekanan ini dibuat kerana kemurungan dan kegelapan yang menyelubungi dunia Islam dalam pelbagai aspek kehidupan adalah berpunca dari iman yang lemah.

Ketika melalui kehidupan yang penuh dengan ketenangan ini, masyarakat Kurdi di Timur Turki (termasuk di Van) sedang digerakkan untuk melakukan pemberontakan terhadap pemerintah. Tuntutan untuk mendapat kuasa autonomi dilihat menjadi agenda utama pemberontakan itu. Pemerintahan Ataturk dengan pelbagai tindakan beliau yang bersifat anti-Islam menambahkan lagi kemarahan masyarakat Islam di Timur Turki yang terkenal dengan pegangan agamanya. Namun begitu, seperti sebelumnya al-Nursi masih berpegang dengan prinsipnya dan tidak memberi sokongannya kepada gerakan tersebut. Beliau berpendapat bahawa pedang (peperangan) tidak mungkin dihunuskan kepada sesama Islam dan berkemungkinan kebangkitan ini adalah provokasi dari kuasa asing.<sup>17</sup>

Pada 1 November 1922, telah berlangsungnya Perhimpunan Nasional, yang menjatuhkan kesulatanan di Turki, 3 Mac 1924, jatuhnya khalifah islam, 1925 tertutupnya kubur-kubur sufi dan arahan-arahan sufi dimansuhkan, 1 Januari 1926, Kod Sivil Swiss dipakai guna di Turki, 3 November 1928, penggunaan bahasa arab diharamkan dan bahasa latin digunakan, Januari 1932,

---

<sup>17</sup> Ibid.,192.

azan bahasa arab diharamkan. Semua ini berlaku di sekitar pemerintahan Mustaffa Kemal. Ketika itu, Said Nursi menerima pelbagai tawaran untuk menjadi pegawai dalam kerajaan, mengharapkan pemikirannya akan berubah. Di dalam pemerintahan Turki punyai dominasi oleh mereka yang mahukan sekulariti dan westernization. Said Nursi mengetahui bahwa ia akan hanya membawa kepada kejatuhan dan kehancuran, maka baliau ke Van pada 17 April 1923, meninggalkan Ankara kembali. Namun sebelum baliau kembali, beliau sempat meyakinkan para politikus untuk membina universiti yang diusulkannya dan diberi peruntukan sebanyak 150,000 lira. Akan tetapi, langkah itu dilihat sebagai menghidupkan islam di dalam masyarakat dan seterusnya pembinaannya dihentikan.

Di Van, Nursi mengeluarkan diri dari arena politik dan sosial, mengasingkan diri bersama beberapa orang muridnya dan mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. Kini bermulanya kehidupan baru Said Nursi, memasuki fasa kedua kehidupannya bagi yang memerhatikan perubahannya itu. Pada February 1925, beliau dibuang daerah ke barat Anatolia. Ia dihantar ke Burdur, di mana pengajarannya mendapat sambutan dan sekali lagi beliau diasingkan. Kali ini ke Barla. Di sini bermulanya penulisan Risale-i Nur, February 1926. Hasil penulisannya yang pertama bertajuk Hari Kiamat dan Akhirat siap pada musim bunga 1926. Pada 1934, Ia dihantar kembali ke Isparta, kerana penulisannya yang bertambah dan berjaya menarik lebih ramai murid. Di Isparta, beliau dikawal dengan ketat, pergerakannya terbatas namun beliau terus menulis.

Penjara Eskisehir, April 1935. Said Nursi bersama 120 pelajarnya di tahan dan dipenjarakan atas tuduhan menentang pembentukan kerajaan baru dan menjadi ahli persatuan rahsia yang mampu mengganggu gugat keamanan awam. Said Nursi di tuduh juga menggunakan agama sebagai bahan berpolitik dan menyampaikan arahan dalam konteks Sufism yang ketika itu diharamkan di Turki. Pada 1936, 96 pelajarnya dibebaskan tetapi Said Nursi dan yang lainnya dipenjarakan selama 11 bulan atas tuduhan menulis penerangan lengkap berkaitan pemakaian islam sebelum pengenalan kod sivil yang baru. Setelah dibebaskan, beliau di hantar ke Pergunungan Ilgaz, selatan Laut Hitam, di kawasan Kastamonu. Di sini, Syed Nursi diletakkan di dalam balai polis selama 3 bulan sebelum dipindahkan ke sebuah rumah yang berhadapan dengan balai polis tersebut. Namun di dalam rumah itu, beliau menerima kawalan yang amat ketat dengan kehadiran dua atau tiga pegawai polis di dalam rumah tersebut bersama-sama dan beberapa orang pelajarnya. Di sini juga Syed Nursi menyambung penulisan Risale-i Nurnya dan pada ketika ini, penulisannya adalah masih secara rahsia. Pelajar-pelajarnya yang setia kerap datang untuk menyampaikan pesanannya kepada pelajar-pelajarnya yang berada di Isparta serta membimbing mereka dalam menyampaikan risalahnya. Penyebaran Risale-i Nur berjalan secara sulit dan dihantar oleh posmen Nur. Di sini, antara 1936-1940, beliau selesai menulis Risale-I Nur Ketiga hingga Kesembilan, yakni bahagian-bahagian dalam Risale-i Nur dan bahagian ketujuh, Tanda Yang Agung (The Supreme Sign - Ayetul-Kubra) juga selesai ditulis di sini. Bahagian ketujuh

ini merupakan bahagian yang penting kerana menggambarkan pemikiran Said Nursi terhadap alam yang diperhatikannya selama 20 tahun, semenjak dari sebelum perubahannya ke dalam fasa kedua kehidupannya ini lagi.

Dengan usaha Badiuzzaman Said Nursi dan pelajar2nya, penjara yang kelam itu kini menjadi kilauan cahaya Al-Quran. Penjara yang dahulunya menakutkan bertukar menjadi sebuah masjid yang dilimpahi cahaya keimanan. Semua banduan termasuk penjenayah berbahaya menerima tempias sejak kehadiran Badiuzzaman Said Nursi. Setiap hari mereka bangun awal bagi menunaikan solat subuh berjemaah dan membaca Al-Quran hingga menjelang fajar.

Memandangkan ramai banduan kembali ke pangkal jalan, Badiuzzaman Said Nursi menamakan penjara itu sebagai sekolah yusuf. Tindakan beliau menjadikan penjara pusat ilmu memberi kuliah dan mencurahkan segala ilmu tidak disenangi pihak penjara. Ia dituduh lagi.Pada tahun 1936, Badiuzzaman Said Nursi dibuang daerah ke Kastamonu.pada tahun 1940, Ia genap berusia 70 tahun.Ia menghidap sakit pinggang kronik dan penyakit sendi-sendi akibat di racun. Ogos 1943, rumah beliau digeladah oleh pihak polis. 20 September 1943, rumahnya digeledah lagi. Kali ini lebih terperinci dan mereka menjumpai risalah2 dalam dikumpul dalam kotak dibawah timbunan kayu2 api simpanan. Dalam keadaan lemah dan sakit, beliau dan pelajar2nya ditahan dengan berbagai tuduhan yang direka-reka. Pada bulan Ramadhan beliau dan tahanan lain diantar ke Ankara. Dalam perjalanan itu, Ia tidak lupa berdakwah.Setelah perkembangan

penentangan dilihat semakin terlihat oleh pihak berkuasa Turki, mereka sekali lagi menahan Syed Nursi pada 27 September 1943. Beliau dihantar ke Penjara Denizli. Di sini, seramai 126 pelajarnya juga turut ditahan bersamanya, atas dakwaan yang sama seperti di Eskisehir; percubaan merancang penentangan pembentukan kerajaan Turki baru dan penglibatan dengan organisasi rahsia. Di penjara ini, beliau menulis Buah-Buah Keimanan(Fruits of Belief) yang mana banyak memotivaskan pelajar-pelajarnya yang turut ditahan bersamanya. Malah penulisannya juga banyak membentuk banduan-banduan yang lain di penjara itu. Pada Jun 1944, beliau dibebaskan dari Penjara Denizli tetapi terus berada di bandar Denizli sehingga datang arahan untuk beliau dihantar ke Emirdag, utara Afyon. Pihak berkuasa Turki sedaya upaya ingin meletakkan beliau di tempat-tempat yang terpencil di mana pergerakannya tidak mendapat sambutan seperti tempat-tempat yang pernah didudukinya. Ia tetap berada di Afyon sehingga penangkapan besar-besaran ketiga ke atas pelajar-pelajarnya pada Januari 1948. Beliau sekali lagi menulis bagi memotivaskan pelajar-pelajarnya dan di sini juga beliau siap menulis Risale-I Nur. Beliau mengumpulkan koleksi Risale-I Nur dan seperti sebelumnya, pelajar-pelajarnya menyalin dengan tangan semua salinan Risale-I Nur untuk diedarkan kepada pelajar-pelajar yang lain. Sehingga pada 1947, barulah mereka mencetak menggunakan mesin pencetak.

Era ketiga dalam kehidupan al-Nursi bermula pada tahun 1950, iaitu dengan peralihan pemerintahan negara dari Parti Republikan Rakyat kepada Parti Demokratik Turki. Peralihan berlaku dengan kemenangan Parti Demokratik

Turki dalam pilihanraya umum pada 14 Mei 1950. Sepanjang sepuluh tahun pemerintahan kerajaan ini, Turki melalui dua pilihanraya umum yang menyaksikan sokongan daripada al-Nursi dan para pengikutnya. Dalam tempoh itu juga Parti Republikan Rakyat menggunakan segala ruang yang ada untuk menjatuhkan kerajaan sehingga majoriti sokongan yang diperolehi dalam pilihanraya 1954, menurun pada pilihanraya berikutnya dalam tahun 1957. Namun begitu, parti ini masih memiliki majoriti untuk memerintah negara sehinggalah berlakunya kudeta oleh pihak tentera pada 26 Mei 1960.

Peralihan ini telah memberi nafas baru kepada perjuangan al-Nursi. Penulisan dan penyebaran Rasa'il al-Nur telah melalui fasa terakhir. Ini berikutan ia bukan hanya selesai ditulis oleh al-Nursi, malahan juga telah dibuat semakan dan penambahan oleh beliau. Apa yang lebih menarik, Rasa'il al-Nur Rasa'il al-Nur bebas dicetak dan diedarkan seluruh Turki. Pengedaran dibuat melalui naskah tulisan tangan dan alat percetakan moden. Suasana gilang-gemilang ini dianggap al-Nursi sebagai kemenangan Rasa'il al-Nur dan beliau menggelarkannya sebagai "Pesta Rasa'il al-Nur".

Walaupun kerajaan baru ini lebih bertoleransi, namun gangguan dari Parti Republikan Rakyat terhadap al-Nursi dan Rasa'il al-Nur masih wujud. Ini berikutan sebahagian dari jabatan-jabatan kerajaan, khususnya Jabatan Keselamatan masih lagi dikuasai oleh para pendokong parti tersebut. Gangguan ini boleh dilihat dengan dua perbicaraan pada Januari 1952 dan April 1953 yang terpaksa dihadapi oleh al-Nursi walaupun keadaan kesihatan dan ketuaan yang

membelenggu beliau ketika itu. Sungguhpun begitu, yang pasti kedua-dua perbicaraan ini lebih mengundang kemasyhuran terhadap Rasa'il al-Nur dan menarik simpati masyarakat umum terhadap perjuangan al-Nursi. Semakin hebat tribulasi yang mendatang, pengaruh Rasa'il al-Nur semakin menjalar dan namanya semakin disebut-sebut.

Di penghujung era ini boleh diumpamakan sebagai 'majlis perpisahan' seorang guru untuk anak-anak muridnya ataupun amanat terakhir seorang pejuang terhadap para pengikutnya. Al-Nursi menggunakan ruang masa yang ada sepenuhnya untuk menyunting naskah Rasa'il al-Nur, di samping melakukan lawatan-lawatan akhir untuk meninjau perkembangan Rasa'il al-Nur dan juga sebagai hadiah di atas usaha gigih murid-muridnya yang tidak mengenal erti payah dan putus asa. Al-Nursi menekankan aspek keikhlasan dalam nasihat-nasihat terakhir beliau kerana itulah asas kekuatan dan kehebatan perjuangan mereka selama ini dalam menyebarluaskan Rasa'il al-Nur.

Era ketiga ini amat penting untuk dikaji khususnya yang berkaitan dengan pendekatan al-Nursi dalam politik. Beliau dilihat menggunakan pendekatan pertengahan (sederhana) jika dibandingkan dengan era Sa'id Lama yang melibatkan diri secara langsung dalam politik dan era Sa'id Baru yang seolah-olah menolak politik secara total. Situasi ini menjelaskan ketajaman dan kemahiran al-Nursi dalam membaca suasana. Kemahiran membaca waqi<sup>c</sup> membolehkan beliau mengembangkan pengaruh Rasa'il al-Nur sehingga diterima oleh pihak pemerintah dan masyarakat awam. Pada masa yang sama, ia

dapat mengekang ancaman dan gangguan dari Parti Republikan Rakyat. Sekurang-kurangnya mereka tidak boleh bertindak semahunya terhadap Rasa'il al-Nur seperti ketika memegang tampuk pimpinan negara. Apa yang lebih penting, pendekatan ini diambil semata-mata untuk kepentingan Rasa'il al-Nur.

Al-Nursi melihat meskipun kekurangan dan kelemahan masih ketara pada Parti Demokratik Turki di bawah pimpinan Adnan Menderes, tetapi Islam berada dalam keadaan yang 'lebih selesa'. Ini jelas dengan kata-kata al-Nursi terhadap parti ini, "yang terbaik dari yang terburuk". Perkembangan Islam di bawah Parti Demokratik Turki dilihat lebih baik berbanding sebelumnya. Ini jelas dengan kebenaran melaungkan azan dalam bahasa Arab oleh parti tersebut sebaik sahaja memenangi pilihanraya. Di samping itu, bilangan masjid dan sekolah agama juga bertambah.<sup>18</sup> Sejumlah besar peruntukan kerajaan diberikan antara tahun 1950-1957 iaitu kira-kira 37.5 juta lira bagi pembinaan dan pembaikian bangunan-bangunan agama berbanding hanya 6.5 juta lira peruntukan bagi tujuan yang sama ketika negara di bawah pemerintahan Parti Republikan Rakyat selama 27 tahun.<sup>19</sup> Ringkasnya, Islam kembali berkembang dan masyhur di bawah Parti Demokratik Turki.

Meskipun al-Nursi telah mengubah persepsinya terhadap politik ketika itu, ia masih lagi berpegang untuk tidak melibatkan diri secara langsung dalam

<sup>18</sup>Zurcher, Erik J., *Turkey: A Modern History* (London: I.B. Tauris & Co. Ltd ,1998), 94; Niyazi Berkes, *The Development of Secularism in Turkey* (Montreal :McGill University Press, 1964),243.

<sup>19</sup> Binnaz Toprak, *Islam dan Politikal Development In Turkey* (Leiden:E.J.Brill.1981),85-86.

politik. Bahkan ia hanya membenarkan murid-muridnya terlibat dalam politik atas nama peribadi dan bukannya atas namanya atau Rasa'il al-Nur. Ini menggambarkan sekurang-kurang dua sebab utama terhadap tindakannya ini. Sebab pertama ialah untuk mengelakkan Rasa'il al-Nur menjadi sasaran musuh-musuh politik dan sebab keduanya adalah kerana sukar untuk meletakkan politik sebagai landasan perjuangan Rasa'il al-Nur yang berpaksikan kepada kebenaran dan keikhlasan. Dengan demikian, sokongan yang diberikan al-Nursi terhadap Parti Demokratik Turki adalah dalam bentuk nasihat, bimbingan serta kritikan.<sup>20</sup> Adnan Menderes juga dilihat menghargai sokongan tersebut biarpun kerajaan pimpinannya diserang dengan dakwaan berlembut dan bekerjasama dengan 'reactionary religious circle' dengan tujuan memperluaskan sokongan politik. Keadaan ini dikatakan boleh menggugat Prinsip Sekular Kemalisme (Kemalist Principles).<sup>21</sup>

Biarpun hanya sokongan luaran diberikan, namun impaknya terhadap kerajaan ketika itu ternyata cukup besar. Sebagai contoh dalam pilihanraya 1957, kerajaan dilihat amat sukar untuk mempertahankan kemenangan akibat serangan isu-isu yang dilakukan oleh Parti Republikan Rakyat. Menyedari akibat buruk sekiranya Parti Republikan Rakyat kembali menerajui negara, al-Nursi menyatakan sokongannya secara jelas kepada Parti Demokratik Turki. Sokongan al-Nursi dan pengikut-pengikutnya telah memberi kemenangan kepada Parti

---

<sup>20</sup> Fulya Atakan, A Kurdish Islamist Group in Modern Turkey: Shifting Identities, *Middle Eastern Studies*, 2001, 37(3): 111-144, hlm. 112.

<sup>21</sup> Binnaz Toprak, *Islam and Political Development in Turkey*, ( Leiden:E.J. Brill,1981), 84.

Demokratik. Hal ini mengundang kemarahan Ismet Inonu yang memimpin Parti Republikan Rakyat ketika itu. Pengiktirafan Ismet terhadap kekuatan pengaruh al-Nursi jelas digambarkan dengan ucapannya, "kita dikalahkan oleh Gerakan al-Nur".

Sebagai rumusannya, adalah tidak tepat sekiranya perkataan al-Nursi, "aku berlindung dengan Allah dari syaitan dan politik" yang diungkapkan beliau di permulaan pemerintahan Parti Republikan Rakyat digunakan sebagai asas untuk mengatakan bahawa al-Nursi menolak politik secara total. Apa yang jelas al-Nursi mengambil pendirian tersebut melihatkan kepada situasi politik dan pimpinan negara yang mengabaikan kepentingan agama dan masyarakat Islam.<sup>22</sup>

---

<sup>22</sup> Mohamad Zain, *Beduuzzaman Said Nursi: Sejarah Perjuangan dan Pemikiran* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003), 52.